# MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (No. Syarikat 201001019176(902884-V))

(Dahulu di kenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd)
(Syarikat Milik Menteri Kewangan Diperbadankan)

## KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA (RFQ)

**Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp")** ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pembida-pembida yang berminat untuk mengemukakan bidaan bagi RFQ berikut:

| TAJUK SEBUT HARGA DAN NOMBOR RFQ | SYARAT-SYARAT RFQ | PENDAFTARAN RFQ | TARIKH PENYERAHAN DOKUMEN RFQ |
|---|---|---|---|
| ***REQUEST FOR QUOTATION (RFQ) FOR CLEANING SERVICES AT MRT CORPORATION SDN BHD OFFICE AT MENARA I&P1, MENARA DUNGUN AND WISMA MRT, BUKIT DAMANSARA***<br><br>**(GEN-MRTC-GENE-OVPR-RFQ-000020)** | **Pembida hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:**<br>1. Sijil berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM);**<br>2. Berdaftar dengan Kementerian **Kewangan Malaysia (MOF)** di bawah **Kod Perkhidmatan 221001 – Perkhidmatan Pembersihan dan Rawatan Bangunan dan Pejabat;**<br>3. **Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** semasa dengan status **'Patuh'**. | Pendaftaran akan dibuka mulai **Rabu, 6 Mei 2026** sehingga **Selasa, 12 Mei 2026.**<br><br>Hanya pembida yang telah berjaya mendaftar serta memenuhi semua keperluan RFQ akan layak menerima Dokumen RFQ yang akan diberikan secara percuma melalui emel.<br><br>Dokumen RFQ akan dikeluarkan pada **Rabu, 13 Mei 2026**.<br><br>**PENDAFTARAN**<br>Semua pemohon yang berminat hendaklah membuat pra-pendaftaran melalui borang dalam talian di salah satu pautan berikut:<br>1. Laman Web MRT Corp http://www.mymrt.com.my;<br>2. https://forms.gle/ievSRcQe2ZSXFRTW9<br>3. Please scan the QR Code for registration: | Dokumen RFQ yang lengkap hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya pada **12:00 tengah hari, Rabu, 20 Mei 2026** |

**Nota:**

1. Tawaran hendaklah dibuat menggunakan Dokumen RFQ yang dikeluarkan oleh MRT Corp sahaja.
2. Pembida hendaklah mengemukakan Dokumen RFQ yang telah lengkap diisi bersama semua dokumen sokongan mengikut format dan kaedah yang dinyatakan dalam Dokumen RFQ dan sebarang penyerahan lewat tidak akan diterima.
3. Semua pembida hendaklah mematuhi segala keperluan statutori, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia termasuk sebarang pindaan atau penguatkuasaan semula.
4. Dengan pengeluaran Notis ini, MRT Corp tidak terikat untuk menerima tawaran terendah, tertinggi atau mana-mana tawaran.
5. MRT Corp berhak menerima atau menolak mana-mana tawaran tanpa memberikan sebarang alasan dan tanpa menanggung sebarang liabiliti kepada pembida terlibat.
6. Sebarang pertanyaan berkaitan RFQ ini hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui emel ke procurement@mymrt.com.my.